

iPad

Sebelum menggunakan iPad, lihat *Panduan Pengguna iPad* di support.apple.com/ms-my/guide/ipad. Simpan dokumentasi untuk rujukan masa depan.

Keselamatan dan Pengendalian

Lihat "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

Pendedahan terhadap Frekuensi Radio

Pada iPad, pergi ke Seting > Umum > Undang-undang & Kawal Selia > Pendedahan RF. Atau pergi ke apple.com/legal/rfexposure.

Bateri dan Pengecasan

Jangan cuba gantikan bateri iPad dengan sendiri—anda mungkin rosakkan bateri, yang boleh menyebabkan panas melampau, kebakaran dan kecederaan. Bateri litium-ion dalam iPad anda perlu diservis atau dikitar semula oleh Apple atau penyedia khidmat sah dan mesti dikitar semula atau dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Lupuskan bateri mengikut undang-undang alam sekitar dan garis panduan tempatan anda. Untuk mendapatkan maklumat tentang bateri litium-ion Apple serta servis dan kitar semula bateri, pergi ke apple.com/my/batteries/service-and-recycling. Untuk mendapatkan maklumat tentang pengecasan, lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

Elakkan Kerosakan Pendengaran

Untuk mengelakkan kerosakan pendengaran, jangan dengar pada paras kelantangan tinggi untuk masa yang lama. Maklumat lanjut tentang bunyi dan pendengaran tersedia dalam talian di apple.com/sound dan di "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

Gangguan Peranti Perubatan

iPad mengandungi magnet serta komponen dan/atau radio yang mungkin mengganggu peranti perubatan. Lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

Kawal Selia

Maklumat pensijilan kawal selia tersedia pada peranti. Pergi ke Seting > Umum > Undang-undang & Kawal Selia. Maklumat kawal selia tambahan tersedia di "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

Pematuhan ENERGY STAR®



iPad memenuhi garis panduan ENERGY STAR untuk kecekapan tenaga. Mengurangkan penggunaan tenaga menjimatkan wang dan membantu memelihara sumber berharga. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang ENERGY STAR, pergi ke energystar.gov.

Untuk menjimatkan tenaga, iPad tidur selepas dua minit tiada aktiviti pengguna. Untuk menukar seting ini, pergi ke Seting > Paparan & Kecerahan > Kunci Auto.

Maklumat Pembuangan dan Kitar Semula



Simbol di atas bermakna menurut undang-undang dan peraturan tempatan produk anda dan/atau baterinya mesti dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Apabila produk ini mencapai akhir hayatnya, bawanya ke pusat pengumpulan yang ditetapkan oleh pihak berkewasa tempatan. Pengumpulan dan kitar semula produk anda dan/atau baterinya secara berasingan pada masa pelupusan akan membantu memelihara sumber semula jadi dan memastikan ia dikitar semula dalam cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar. Untuk mendapatkan maklumat tentang program kitar semula, tempat pengutipan kitar semula, bahan terlarang dan inisiatif alam sekitar Apple lain, lawati apple.com/my/environment.

Ringkasan Waranti Terhad Satu Tahun Apple

Apple menjamin produk perkakasan dan aksesori yang disertakan daripada kecacatan bahan dan mutu buatan untuk satu tahun dari tarikh asal pembelian runcit. Apple tidak menjamin ke atas kehausan dan lusuh biasa, atau kerosakan disebabkan oleh kemalangan atau penyalahgunaan. Untuk memperoleh servis, hubungi Apple atau lawati Apple Store atau Penyedia Khidmat Suh Apple—pilihan servis tersedia bergantung kepada negara tempat servis diminta dan mungkin terhad kepada negara asal ia dijual. Caj panggilan dan caj penghantaran antarabangsa mungkin dikenakan, bergantung kepada lokasi. Tertakluk kepada syarat penuh dan maklumat terperinci tentang perolehan servis tersedia di apple.com/legal/warranty dan support.apple.com/en-my, jika anda menghantar tuntutan sah di bawah waranti ini, Apple sama ada akan membaiki, menggantikan, atau mengembalikan bayaran peranti perkakasan anda menurut budi bicaranya sendiri. Faedah waranti adalah tambahan kepada hak disediakan di bawah undang-undang pengguna tempatan. Anda mungkin perlu memberikan bukti terperinci pembelian apabila membuat tuntutan di bawah waranti ini.

© 2024 Apple Inc. Hak cipta terpelihara. Apple, logo Apple dan iPad ialah tanda dagangan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara serta rantau lain. Apple Store ialah tanda perkhidmatan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara serta rantau lain. ENERGY STAR dan tanda ENERGY STAR ialah tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar A.S. Printed in XXXX. MY034-06470-A